

27 MAY 1996

Salleh-tugas

SALLEH AKHIRI TUGASNYA SEBAGAI KETUA MENTERI PETANG INI

KOTA KINABALU, 27 Mei (Bernama) -- Datuk Salleh Said Keruak, yang akan meletakkan jawatan sebagai Ketua Menteri bagi memberi laluan kepada pelaksanaan sistem penggiliran jawatan itu di Sabah, berkata beliau akan menjalankan tugas sebagai Ketua Menteri untuk hari terakhir hari ini.

Katanya beliau telah memaklumkan perkara itu kepada Yang Dipertua Negeri, Tan Sri Sakaran Dandai bagi membolehkan beliau mengaturkan perlantikan Datuk Yong Teck Lee sebagai Ketua Menteri yang baru.

"Saya telah maklumkan (kepada Istana Negeri) bahawa hari ini adalah hari terakhir saya sebagai Ketua Menteri dan dengan ini Istana boleh melantik seorang Ketua Menteri baru esok," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Yong di kediamannya di Likas, dekat sini.

Salleh berkata beliau menyerahkan perkara itu kepada Istana Negeri untuk memutuskan bila tarikh sebenar majlis mengangkat sumpah jawatan Yong.

Perlantikan Yong sebagai Ketua Menteri baru dalam sistem penggiliran jawatan berkenaan, diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam lawatannya ke Melaka 2 Mei lalu.

Sehari sebelum itu, Dr Mahathir memberitahu pemberita di Labuan bahawa sistem penggiliran jawatan itu boleh dilaksanakan tanpa perlu menunggu pindaan terhadap lima undang-undang negeri diluluskan pada Persidangan Dewan Undangan Negeri pada 17-18 Jun depan.

Perdana Menteri pada Februari tahun ini melanjutkan tempoh jawatan Salleh, yang sepatutnya berakhir pada 17 Mac lepas mengikut sistem itu, ke satu tempoh yang tidak ditetapkan bagi memberi laluan kepada pindaan undang-undang negeri yang bertujuan menghadkan kuasa Ketua Menteri.

Langkah itu perlu kerana kuasa Ketua Menteri di Sabah dikatakan terlalu banyak berbanding negeri-negeri lain.

Mengenai pertemuannya dengan Yong, Salleh berkata mereka membincangkan soal peralihan kuasa berikutan pelaksanaan sistem penggiliran berkenaan bagi memastikan ia berjalan secara tertib dan mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Mengenai sama ada mereka telah membincangkan komposisi kabinet baru berikutan perlantikan Yong, Salleh berkata: "Kita tidak membincangkan perkara itu kerana Yong telah pun membincangkannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (pada pertemuan mereka Sabtu lepas).

"Terserahlah kepada Yong untuk melantik jemaah menteri berdasarkan kepada perbincangan beliau dengan Perdana Menteri," katanya.

Salleh berkata beliau juga telah memaklumkan perkara perletakan jawatannya yang berkuatkuasa petang ini kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Yong ketika ditemui selepas pertemuan dengan Salleh, berkata beliau tidak mempunyai apa-apa kenyataan untuk akhbar setakat ini.

Yong dan empat yang lain, mengaku bersalah pada 15 Mei lepas terhadap tuduhan pindaan menyertai perhimpunan haram lebih lima tahun lepas dan didenda RM1,000 setiap seorang oleh mahkamah majistret mengikut Seksyen 143 Kanun Kesiksaan.

Yong sebelum itu menghadapi tuduhan menyertai perarakan haram mengikut Seksyen 27(4) Akta Polis yang memperuntukkan denda minimum RM2,000 atau penjara minimum setahun, yang akan menyebabkan beliau, secara automatik, hilang kelayakan sebagai anggota Dewan Undangan negeri.

Bagaimanapun, denda RM1,000 mengikut tuduhan pindaan berkenaan tidak menjejaskan kedudukan Yong sebagai anggota Dewan Undangan Negeri, sekaligus

melayakkan beliau untuk dilantik sebagai Ketua Menteri mengikut sistem penggiliran itu.

-- BERNAMA

JS AHH